



TEKS UCAPAN

**DATO' SRI ZAINAL RAHIM BIN SEMAN
KETUA PENGARAH MAMPU**

**MAJLIS PELANCARAN
MAMPU KE ARAH PENSIJILAN
EKSA 2016**

7 MAC 2016 (ISNIN)

**BILIK MESYUARAT SERI GEMILANG,
ARAS 6, BLOK B2,
KOMPLEKS JABATAN PERDANA
MENTERI, PUTRAJAYA.**

BISMILLAHIR RAHMANIR RAHIM

Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh,

Salam Sejahtera,
Salam “1Malaysia: Rakyat
Didahulukan, Pencapaian Diutamakan”
dan Salam Sehati Sejiwa.

Yang dihormati Saudari Pengacara
Majlis,

Yang Berusaha
Dr. Aizi Razman bin Ismail,
Timbalan Ketua Pengarah
(Transformasi dan Pemodenan
Pengurusan) MAMPU,

Yang Berusaha
Dr. Suhazimah binti Dzazali,
Timbalan Ketua Pengarah (Teknologi
Maklumat dan Komunikasi) MAMPU,

Ketua-ketua Perunding ICT Sektor
Awam,

Pengarah-pengarah Bahagian dan
Cawangan MAMPU,

Perunding-perunding ICT Sektor
Awam,

Juara-juara Zon EKSA MAMPU,

Ketua-ketua Zon EKSA MAMPU,

Tuan-tuan dan puan-puan yang turut
hadir pada petang ini.

PENDAHULUAN

1. Terlebih dahulu izinkan saya memanjatkan rasa kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia-Nya kita dapat berkumpul hari ini untuk menyempurnakan majlis Pelancaran MAMPU Ke Arah Pensijilan EKSA 2016. Majlis pada petang ini merupakan simbolik kepada gerak kerja MAMPU ke arah audit pensijilan EKSA MAMPU yang dijadualkan pada 21 – 24 Mac 2016 ini.

EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA)

2. EKSA atau Ekosistem Kondusif Sektor Awam merupakan inisiatif MAMPU dalam menambah baik pelaksanaan Amalan 5S di sektor awam. EKSA bertujuan untuk mewujudkan **persekitaran yang kondusif**, meningkatkan **imej korporat**, menyemarakkan aktiviti **kreativiti dan inovasi**, menggalakkan aktiviti ke arah mewujudkan persekitaran hijau melalui pembudayaan **amalan hijau**, dan elemen pengauditan yang memenuhi

kepelbagaian fungsi dan premis agensi Kerajaan.

3. EKSA bukanlah bertujuan untuk menggantikan konsep 5S¹ yang telah sedia ada diamalkan secara global, cuma EKSA merupakan 5S versi baharu yang dikhatusukan bagi agensi sektor awam di Malaysia yang juga menyokong kepada pewujudan persekitaran kerja yang kondusif.

Teras Strategik 2: Merekayasa Organisasi dalam Pelan Transformasi

¹ 5S diasaskan oleh M. Nakatshugawa. Konsepnya diasaskan sempena nilai-nilai yang diamalkan oleh suri rumah di Jepun. Konsep ini telah digunakan secara meluas pada tahun 1955 oleh Persatuan Keselamatan dan Kesihatan Industri Jepun (JISHA) bagi mempromosikan kempen keselamatan bagi industri-industri di Jepun.

MAMPU 2015 – 2017 meletakkan penyediaan persekitaran yang kondusif dan menyokong pengukuhan organisasi sebagai langkah strategik yang ketiga. EKSA merupakan salah satu inisiatif yang disenaraikan dan sasaran pada tahap 95% telah ditetapkan bagi peningkatan budaya kerja berprestasi tinggi di samping persekitaran kerja yang kondusif, selamat dan memenuhi amalan hijau.

4. Justeru, sebagai agensi yang menerajui transformasi sistem penyampaian sektor awam, adalah

menjadi satu tanggungjawab untuk semua warga MAMPU memberikan yang terbaik untuk setiap apa yang dilaksanakan termasuklah EKSA.

MAMPU KE ARAH PENSIJILAN **EKSA 2016**

5. Sebelum ini, pensijilan EKSA bagi MAMPU dibuat secara berasingan dengan cawangannya. Saya difahamkan bahawa tempoh tamat pensijilan EKSA MAMPU Putrajaya ialah pada 15 Januari 2016, manakala MAMPU Sabah dan MAMPU Sarawak pada 15 Januari 2015. Walau

bagaimanapun, mengambil kira MAMPU sebagai satu organisasi, maka pensijilan pada kali ini akan dilaksanakan secara serentak untuk MAMPU umpama konsep *one for all, all for one*. Dengan adanya satu pensijilan ini, maka diharap agar urusan penyelarasan hal-hal berkaitan dengan EKSA di MAMPU akan menjadi lebih mudah dan berkesan.

6. Suka saya nyatakan di sini bahawa **gotong-royong perdana** secara serentak melibatkan semua zon akan diadakan pada **11 Mac 2016 (Jumaat)** ini bermula pukul **3.00**

petang sehingga selesai. Semua Juara dan Ketua Zon diseru supaya membuat **hebahan dan promosi** di **peringkat zon masing-masing secara lebih agresif dan proaktif** supaya keterlibatan semua warga zon dalam pelaksanaan EKSA dapat dipergiatkan lagi. Pelaksanaan gotong-royong EKSA secara mingguan atau bulanan pada masa-masa yang seterusnya amatlah digalakkan bagi mengekalkan kesinambungan pelaksanaan EKSA.

7. Dimaklumkan juga bahawa satu **soal selidik berkenaan dengan**

kefahaman warga MAMPU mengenai pelaksanaan EKSA akan dijalankan bermula pada **9 Mac 2016 sehingga 16 Mac 2016. Soal selidik ini bertujuan untuk menilai tahap kepuasan warga MAMPU terhadap pelaksanaan EKSA di samping impak pelaksanaan EKSA terhadap produktiviti, kualiti, sistem penyampaian kerja, tahap keselamatan dan moral dalam kalangan warga MAMPU. Maklum balas dan penyertaan yang positif daripada warga MAMPU dalam soal selidik ini amatlah dihargai.**

PENUTUP

8. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada semua Juara dan Ketua Zon dan juga urus setia di Bahagian Khidmat Pengurusan yang selama ini bertungkus lumus dalam memastikan EKSA dilaksanakan tanpa culas di MAMPU. Teruskan usaha murni tuan-tuan dan puan-puan. Semoga MAMPU akan terus cemerlang dalam menjayakan EKSA dan menjadi contoh ikutan yang terbaik buat semua agensi awam yang lain. Dengan lafaz *bismillahir rahmanir rahim*, saya melancarkan **MAMPU KE ARAH PENSIJILAN EKSA 2016.**

Sekian,

*Wabillahi taufiq wal hidayah,
Assalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.*